

U B054 AAB
MAHATHIR - ORANG ASLI

KUALA LUMPUR, 29 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA KERAJAAN AKAN TERUS BERUSAHA SUPAYA MASYARAKAT ORANG ASLI MAJU SEIRING DENGAN PROSES PEMBANGUNAN NEGARA. PERDANA MENTERI BERKATA PELBAGAI KEMUDAHAN ASAS DALAM SKIM-SKIM YANG SEDIA ADA AKAN DIPERLUASKAN DAN DIPERTINGKATKAN LAGI DALAM RANCANGAN MALAYSIA KELIMA (RML).

DI BAWAH RML ITU, SEBANYAK \$40 JUTA DIPERUNTUKKAN BAGI PEMBANGUNAN ORANG ASLI UNTUK MENJAYAKAN PROGRAM-PROGRAM SOSIO-EKONOMI, TERMASUK ENAM SKIM BARU PENEMPATAN SEMULA UNTUK KIRA-KIRA 1,000 KELUARGA, KATANYA KETIKA BERUCAP MERASMIKAN MUZIUM JABATAN HAL EHWAL ORANG ASLI DI KM 19 JALAN GOMBAK, DEKAT SINI.

BELIAU BERKATA KERAJAAN AKAN JUGA TERUS MEMBERI PERHATIAN KEPADA KEMAJUAN MASYARAKAT ORANG ASLI DENGAN TERMASUK MEMBINA DUA ASRAMA SEKOLAH YANG BERTERANGA \$1.2 JUTA SEBUAH DI RAUB, PAHANG DAN BUKIT LANJAN, SELANGOR.

MENGENAI KEMUDAHAN KESIHATAN DAN PERUBATAN PULA, PERDANA MENTERI BERKATA KERAJAAN ANTARANYA SEDANG MEMPERBAIKI HOSPITAL ORANG ASLI DI GOMBAK UNTUK MEMBEKALKANNYA DENGAN PERALATAN-PERALATAN BARU YANG MENELAN BELANJA \$3.3 JUTA. -- LAGI
1312MST 29 09 87

D675

U B055 AAB
MAHATHIR-ORANG ASLI 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MASYARAKAT ORANG ASLI AKAN DIGALAKKAN MENYERTAI RANCANGAN-RANCANGAN LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA) TERUTAMA DI MANA BILANGAN ORANG ASLI TERLALU KECIL UNTUK MEMBOLEHKAN PEMBUKAAN SKIM PENEMPATAN SEMULA.

BELIAU BERKATA, DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT (RME) LIMA PROJEK PENGUMPULAN SEMULA MASYARAKAT ORANG ASLI TELAH DILAKSANAKAN MELIBATKAN 23,000 ORANG DI SEPANJANG BANJARAN TITIWANGSA.

KATANYA SELUAS 13,600 HEKTAR TANAH TELAH DIBAHAGIKAN KEPADA MEREKA YANG DIKUMPULKAN.

+KERAJAAN BERHARAP ORANG ASLI AKAN MENGALAMI PEMBANGUNAN SOSIO-EKONOMI YANG PESAT SECARA TERATUR DAN INI DITERIMA DENGAN BAIK OLEH MASYARAKAT ORANG ASLI.+ BELIAU MENAMBAH KATA.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA KERAJAAN BERHARAP MASYARAKAT ORANG ASLI YANG TINGGAL DI PEDALAMAN DAPAT TERUS MEMBANTU PASUKAN KESELAMATAN MENGHAPUSKAN SAKI-BAKI PENGGANAS KOMUNIS. -- LAGI
1318MST 29 09 87

D678

U B057 AAB
MAHATHIR-ORANG ASLI 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA WALAUPUN ANCAMAN PENGGANAS KOMUNIS TIDAKLAH SEPERTI DALAM TAHUN-TAHUN 50-AN DAN 60-AN, KERAJAAN MENGAKUI BAHAWA ANCAMAN ITU MASIH ADA DAN SEMUA PIHAK HENDAKLAH BERJAGA-JAGA DAN SENTIASA BERWASPADA.

PADA MAJLIS ITU, PERDANA MENTERI DAN ISTERI DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH JUGA MENYAKSIKAN MAJLIS PERKAHWINAN ORANG ASLI.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENYAMPAIKAN SIJIL PERLANTIKAN DAN TONGKAT KEPADA 12 BATIN DAN PENGHULU ORANG ASLI DARI SELURUH SEMENANJUNG.

YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU IALAH MENTERI KEBUDAYAAN DAN PELANCONGAN DATUK SABBARUDDIN CHIK, MENTERI BESAR SELANGOR DATUK MUHAMMAD HAJI MUHAMMAD TAIB DAN KETUA POLIS NEGARA TAN SRI HANIFF OMAR. -- BERNAMA

1314MST 29 09 87